

SAHSIAH UNGGUL MEMBENTUK PERSONALITI REMAJA

Oleh Muhammad Farkhan Kamarolzaman

DASAWARSA ini, dunia memperlihatkan arus kemajuan teknologi dan sains yang semakin deras. Negara-negara yang sedang membangun begitu pesat bersaing menuju ke arah sebuah negara maju. Semuanya hanya ingin menjadi yang terbaik bagi memastikan kelangsungan hidup masa kini dan hadapan terpelihara. Seiring dengan perkembangan era globalisasi ini, hal ini memberikan kesan dan pengaruh yang kuat terhadap golongan remaja, tidak kira kesan positif atau negatif.

Dalam hal ini, pencapaian remaja kini boleh dibanggakan dengan berupaya untuk mencipta nama pada usia muda. Boleh dikatakan dalam setiap bidang pasti ada kejayaan yang dilakarkan oleh golongan remaja. Mereka kini lebih berani, berwawasan dan bercita-cita tinggi serta lantang menyuarakan pendapat. Pujian harus diberikan kepada golongan remaja sebagai tanda sokongan dan galakan untuk mereka agar lebih menonjol. Sebagai kontradiksinya, dalam diam ada

perihal yang perlu dibimbangkan ekoran perkembangan dunia globalisasi kini yang kian memamah sahsiah remaja.

Dalam meniti kehidupan marcapada, remaja terdedah dengan pelbagai bentuk cabaran. Seperti mana yang kita sedia maklum, antara bentuk cabaran yang perlu dihadapi oleh remaja termasuklah pengaruh media massa dan media sosial, pengaruh rakan sebaya, konflik keluarga dan masyarakat sekeliling serta konflik isu semasa. Remaja kini tidak dapat lari daripada semua cabaran sehingga mempengaruhi setiap bicara serta tindak tanduk mereka. Kadangkala, mereka dilihat lantang bersuara tanpa memikirkan kesan atau pengaruh dari setiap bicara. Mereka juga lebih berani dalam membuat keputusan serta tindakan, namun tidak sedar ada akibat yang menunggu. Keperibadian remaja seolah-olah tidak seiring dengan kematangan usia mereka.

Menyentuh tentang sahsiah remaja dalam konteks yang lebih terperinci, secara asasnya perkara tunjang yang perlu ada dalam membentuk keperibadian mereka adalah dengan

mendalami ilmu. Dalam konteks pengetahuan ilmu, remaja seharusnya berusaha untuk menimba seberapa banyak bidang ilmu, tidak kira bidang akademik mahupun agama. Dalam hal ini, penguasaan ilmu akademik dan agama haruslah seimbang kerana keduanya penting dalam membentuk keperibadian yang unggul.

Dalam usaha untuk memastikan sahsiah remaja agar terus terpelihara, tuntutan agama harus disemat sekemaskemasnya dalam jiwa. Ajaran agama tersedia garis panduan bagi membentuk sahsiah remaja yang unggul. Remaja seharusnya perlu lebih dekat dengan ajaran agama dan menjadikan Al-Quran sebagai panduan dan petunjuk dalam setiap gerak geri untuk menjalani kehidupan di dunia. Hal ini dikatakan demikian kerana ilmu boleh diibaratkan sebagai "benteng" agar sahsiah remaja sentiasa terpelihara. Hal ini penting bagi memastikan akhlak remaja sentiasa berlandaskan syariat agama dan tidak terpengaruh oleh budaya luar.

Namun begitu, secara realitinya, remaja kini dilihat semakin melupakan





keperibadian mulia yang dituntut oleh agama. Mereka seolah-olah tidak memahami ajaran serta tuntutan agama apatah lagi untuk mengamalkannya. Perkara sebegini perlu dititikberatkan oleh ibu bapa, para pendidik serta masyarakat di luar sana agar terus membimbing dan mentarbiahkan remaja. Dengan memahami tuntutan agama serta mengamalkannya, remaja dapat membezakan antara kebaikan dan keburukan.

Seterusnya, elemen penting dalam mempengaruhi sahsiah remaja merupakan perhatian dan kasih sayang daripada ibu bapa. Ibu bapa merupakan ejen terpenting dalam membentuk keperibadian remaja. Hasil penelitian mendapati bahawa kebanyakan remaja yang terjebak dengan gejala sosial atau kerosakan akhlak kebanyakannya berpunca daripada kurang perhatian serta kasih sayang daripada ibu bapa mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana ibu bapa memainkan peranan penting dalam mengawal dan memberikan perhatian terhadap emosi anak-anak mereka,

Secara amnya, emosi manusia berubah mengikut perkembangan diri masing-masing, terutamanya ketika menjangkau usia remaja. Sekiranya ibu bapa gagal menjadikan diri mereka sebagai tempat untuk remaja berkongsi cerita atau masalah, maka akhirnya remaja ini akan melepaskan emosi atau tunjuk perasaan dengan melibatkan diri terhadap gejala sosial. Hal ini sering terjadi kerana remaja menganggap ibu bapa tidak dapat memahami keperluan emosi mereka. Oleh hal yang demikian,

ibu bapa seharusnya mengambil berat dan memahami kelakuan dan emosi anak-anak kerana mereka amat memerlukan bimbingan dalam menjalani kehidupan seharian sebagai remaja.

Selain itu, dalam proses pembentukan sahsiah remaja yang unggul, remaja perlu memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana ilmu pengetahuan yang meluas amat penting sebagai bekalan remaja untuk meniti cabaran kehidupan seharian. Dengan memiliki sifat ingin tahu dan cinta terhadap ilmu, remaja dapat berfikir dengan lebih positif serta optimis tentang sesuatu masalah dan tidak berfikir secara pesimis dan mudah berputus asa. Hal ini sekali gus menjadikan remaja dapat menguasai kemahiran menyelesaikan masalah dengan berkesan. Melalui ilmu pengetahuan juga, mampu melahirkan remaja bermoral serta memiliki sahsiah terpuji. Ibu bapa misalnya, memainkan peranan penting dalam memberikan ilmu pengetahuan kepada anak-anak di rumah dengan menunjukkan contoh kelakuan yang baik. Hal ini boleh dijadikan sebagai usaha untuk membentuk sahsiah dan menghindari mereka daripada terlibat dalam masalah gejala sosial.

Secara umumnya, remaja yang mempunyai perwatakan yang terpuji memiliki nilai-nilai murni dalam jiwa mereka. Remaja yang unggul sering mengamalkan norma budaya Malaysia dalam tatacara kehidupan mereka, antaranya termasuklah menghormati orang tua, berbudu bahasa, dan sopan




santun dalam percakapan. Dalam hal ini, masyarakat perlu menjadi suri teladan yang baik kepada golongan remaja. Hal ini dikatakan demikian kerana remaja menjadikan pemerhatian mereka terhadap golongan yang lebih dewasa sebagai kayu pengukur, sama ada mereka menjadi insan yang baik ataupun sebaliknya.

Pengaruh masyarakat sekeliling merupakan perkara yang tidak boleh dipandang enteng kerana golongan muda sentiasa menjadikan masyarakat luar sebagai contoh dalam setiap kelakuan mereka. Golongan dewasa seharusnya memberikan sokongan dan menyediakan persekitaran yang selamat untuk remaja membentuk sahsiah diri mereka. Tunjuklanlah teladan yang baik kepada remaja dengan mengamalkan nilai-nilai murni di tempat awam, seperti membantu orang tua, lembut dalam percakapan, tidak terburu-buru ketika memandu dan sebagainya.

Di samping itu, jalinan hubungan bersama-sama rakan-rakan merupakan salah satu faktor utama yang menentukan keperibadian seseorang. Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa pengaruh rakan merupakan ejen utama dalam pembentukan sahsiah remaja. Hal ini dikatakan demikian kerana remaja lebih cenderung untuk meluangkan waktu bersama-sama rakan

sebaka, berbanding bersama-sama keluarga. Dalam hal ini, remaja perlu berhati-hati dalam memilih seseorang untuk dijadikan sebagai rakan. Rakan sebaya yang positif akan mempengaruhi seseorang itu untuk melakukan perkara yang positif, dan begitu juga sebaliknya. Hubungan remaja dan rakan sebaya perlu dikawal dan dipupuk supaya hubungan tersebut lebih cenderung kepada perlakuan positif. Tidak salah untuk berkawan, tetapi haruslah dikawal dengan betul supaya tidak menyimpang daripada ajaran agama dan norma budaya tempatan.


Keperibadian yang unggul merujuk kepada kelebihan, kecekapan, kekuatan dan kemahiran seseorang dalam segala aspek kehidupan. Remaja berperwatakan unggul ialah remaja yang mempunyai personaliti yang matang. Kematangan remaja dapat diserlahkan melalui perbuatan yang konsisten dan sentiasa menunjukkan sikap positif serta mempunyai emosi yang stabil pada setiap masa. Dalam hal ini, sifat matang itu lahir melalui pengalaman diri sendiri, sama ada pengalaman itu sesuatu yang manis atau pahit. Oleh hal yang demikian, remaja perlu menjadikan pengalaman lalu sebagai "guru" untuk memantapkan diri, dan seterusnya membentuk sahsiah yang terpuji dalam diri mereka.



Usah takut dengan kesilapan lalu, tetapi jadikanlah kesilapan itu sebagai pedoman.

Tidak dapat dinafikan bahawa remaja sering dikaitkan dengan sifat berani mencuba perkara baharu. Lumrah sebagai seorang remaja untuk melakukan sesuatu perkara yang luar daripada kebiasaan. Sesuatu yang baharu pula dianggap sebagai mencabar. Jika sesuatu yang baharu itu dapat direalisasikan, hal itu menjadi satu kebanggaan. Namun begitu, remaja yang bijak tidak melakukan sesuatu perkara secara melulu dan memikirkannya dengan lebih panjang dan terperinci. Dalam hal ini, remaja amat digalakkan untuk berfikir dahulu sebelum bertindak tentang kesan atau natijahnya dalam semua perkara.

Sahsiah remaja yang unggul dapat menyelesaikan setiap masalah



yang dihadapinya dengan sendiri. Melalui proses penyelesaian masalah tersebut, para remaja memperoleh pelbagai manfaat tentang liku-liku kehidupan yang perlu dihadapi. Maka, daripada proses tersebut remaja dapat mengembangkan perwatakan dirinya ke arah yang positif dan seterusnya menjadi remaja yang unggul.

Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat segelintir remaja yang suram masa hadapannya disebabkan tingkah laku mereka sendiri. Sedarlah bahawa usia remaja ini boleh diibaratkan sebagai emas yang perlu dijaga dengan sebaik-baiknya. Jika remaja alpa, sudah tentunya emas itu akan hilang dalam sekelip mata. Dalam hal ini, golongan remaja perlu mempunyai wawasan atau cita-cita dalam hidup mereka sebagai pendorong untuk berjaya apabila dewasa kelak.

Sememangnya untuk membentuk keperibadian yang unggul bukanlah perkara yang mudah, tetapi tidak bermakna perkara ini mustahil untuk dikecapi. Keperibadian unggul ini boleh dicapai jika remaja bersungguh-sungguh untuk berubah menjadi yang lebih baik. Akidah yang mantap, iman yang teguh,

akhlak yang mulia, dan berdaya juang yang tinggi merupakan antara sifat keperibadian yang unggul. Ketahuilah bahawa perkara asas tersebut merupakan penentu bagi kejayaan dalam membentuk remaja yang yakin, berjiwa besar, matang dan memiliki keupayaan mendepani kerenah dunia yang mencabar.

Sebagai kesimpulannya, usaha dalam membentuk sahsia yang unggul dan terpuji dalam kalangan remaja memerlukan sokongan dan dokongan pelbagai pihak. Setiap pihak – ibu bapa, guru, dan masyarakat – perlu memainkan peranan dalam membantu anak muda untuk membesar menjadi dewasa dengan peribadi yang mulia. Sesungguhnya masa hadapan negara bergantung kepada kualiti remaja pada masa ini. Jika remaja pada hari ini hebat dan unggul dalam setiap aspek, sudah tentunya masa hadapan negara lebih cerah, dan begitu juga sebaliknya. Usaha secara konsisten dalam pembentukan sahsiah remaja ini pastinya memberikan kesan positif kepada negara, kerana remaja merupakan aset dan pewaris kepimpinan negara. 